



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10.30 pagi, 10 Januari 2024.

Untuk Terbitan Media

10 Januari 2024

SIARAN MEDIA

KELUARGA ARWAH FIZA TERIMA 2 FAEDAH PERKESO

ALERT: ARWAH PERNAH BERKHIDMAT DI 7 SYARIKAT SEJAK 2002

KUALA LUMPUR: Waris kepada Siti Nor Hafiza Kamarudin, 40, pengarang portal hiburan yang meninggal dunia akibat barah, di London, layak menerima Faedah Pencen Penakat dan Faedah Pengurusan Mayat (FPM) daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed memaklumkan, semakan rekod caruman ibu kepada dua cahaya mata, masing-masing berusia 8 dan 10 tahun itu mendapati, beliau pernah berkhidmat di tujuh syarikat berbeza, sejak Disember 2002.

"Sehubungan itu, suami alahyarhamah, Roshdi Ramli, layak mendapat faedah PERKESO untuk sepanjang hayat, manakala dua anaknya diberikan manfaat sama sehingga berusia 21 tahun jika belum berkahwin dan boleh dilanjutkan sekiranya menyambung pengajian ke peringkat ijazah pertama.

"Berdasarkan rekod caruman PERKESO milik Siti Nor Hafiza, mendapati keluarganya layak untuk menerima bayaran berkala Faedah Pencen Penakat berjumlah RM1,975.00 setiap bulan dan FPM sebanyak RM2,000 secara sekali bayar, menerusi Skim Keilatan, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4)," jelas beliau ketika mengadakan Ziarah Prihatin di kediaman waris wartawan terbabit.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lembah Jaya, Syed Ahmad Syed Abdul Rahman Alhadad atau Altimet turut hadir dalam Ziarah Prihatin ini.

PERKESO menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarhamah dan semoga penyaluran faedah ini berupaya membantu kelangsungan hidup mereka.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
10 Januari 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:
Mohd Wazid Zaidon
+6017-619 3181
wazid.zaidon@perkeso.gov.my**